

UPM, MARDI muktamad pertukaran tanah

Putrajaya: Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menandatangani perjanjian pertukaran tanah seluas lebih 240 hektar menempatkan ibu pejabat masing-masing di Serdang, Selangor.

Perjanjian terbaru mem-babitkan tiga fasa itu adalah yang ketiga dimeterai antara universiti dan institut berke-naan sejak 42 tahun lalu, bagi

memuktamadkan urusan persempadanan tanah antara kedua-dua pihak.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Abd Shukor Abd Rahman, berkata pertukaran fasa pertama membabitkan tanah seluas 110.9 hektar milik UPM dan 102.3 hektar milik MARDI. Fasa kedua mem-babitkan tanah seluas 27.1 hektar milik MARDI dan 19.9 hektar milik UPM.

"Bagi fasa terakhir, kedua-

dua pihak bersetuju penyelesaian dilakukan melalui kaedah penilaian bagi menentukan nilai pampasan atas tanah lebih seluas 17.9 hektar," katanya pada majlis menandatangani memorandum perjanjian antara MARDI dan UPM, di sini, semalam.

Shukor menurunkan tan-datangan bagi pihak MARDI manakala UPM diwakili Naib Canselornya, Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan. Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kement-erian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Hashim Abdullah.

Fauzi berkata, bangunan MARDI pada masa ini terle-tak atas tanah UPM dan bukit ekspo, manakala Pejabat Ladang UPM yang kini menem-patkan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Ino-vasi), Perbadanan Pengu-

nan Teknologi Malaysia (MTDC) dan kawasan sekitarnya terle-tak atas tanah MARDI.

Pembangunan ubah luas tanah

"Pembinaan Lebuh Raya Lembah Klang Selatan (SKVE), Hospital Serdang, kawasan Wet-land dan laluan ERL (Express Rail Link) merentas kampus UPM serta MARDI sudah meng-gubah keluasan asal tanah yang dimaksudkan dalam memo-randum ini. Perjanjian hari ini (semalam) adalah penyelesaian muktamad persempadanan tanah MARDI-UPM," katanya.

Katanya, perjanjian pertama pada 1972 membabitkan per-tukaran lot tanah seluas 114 hektar dan perjanjian kedua pada 2001 bagi menyelesaikan isu persempadanan tanah yang tertangguh berikutan pemba-ngunan di kawasan sekitar.